

12/07/2002

Usahawan Malaysia perlu terus sokong LID

Wan Hazmir Bakar; Badrila Jamlus

PUTRAJAYA, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap ahli perniagaan Malaysia terus menyokong Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) walaupun rakan dialog lain kurang berjaya melaksanakan cadangan bagi membangunkan negara mereka selepas hampir tujuh tahun dialog itu diadakan.

Perdana Menteri berkata, ahli perniagaan tempatan seharusnya melihat dialog perkongsian pintar antarabangsa itu sebagai peluang untuk mengenali pemimpin negara membangun lain supaya mudah menjalankan perniagaan di negara terbabit.

"Saya harap ahli perniagaan akan terus menunjukkan minat terhadap dialog ini kerana membolehkan anda menemui ramai pemimpin dari negara lain. Anda tentu sedar bahawa jika mereka mengenali anda, maka akan lebih mudahlah anda memasuki pasaran mereka.

"Dalam erti kata lain, dialog ini membuka pintu, walaupun kadangkala anda memerlukan orang lain termasuk saya untuk pergi ke sana dan bawa delegasi perniagaan," katanya ketika berucap pada majlis Makan Tengah Hari Bersama Perdana Menteri serta Perbincangan Pra-Dialog LID-Global 2002.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menerima sumbangan tajaan daripada syarikat korporat termasuk RM2 juta daripada penaja utama, Telekom Malaysia. Berita Harian dan New Straits Times adalah akhbar rasmi dialog itu.

Hadir sama ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Pengerusi Bersama Kumpulan Industri-Kerajaan Bagi Teknologi Tinggi Malaysia (Might), Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, Penasihat Sains Jabatan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Bersama Might, Tan Sri Ahmad Zaharudin Idrus serta Presiden dan Ketua Eksekutif Might, Datuk Dr Ahmed Tasir Lope Pihie.

LID yang dimulakan sejak 1995 adalah siri dialog perkongsian pintar antarabangsa membabitkan negara membangun, khususnya dari benua Afrika, sehingga menjurus kepada kewujudan Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Dr Mahathir berkata, ahli perniagaan Malaysia perlu bersabar dan menerima hakikat bahawa rakan dialog mereka, terutama dari negara Afrika, masih memerlukan banyak bantuan untuk memajukan ekonomi mereka serta menarik pelaburan.

Perdana Menteri berkata, negara terbabit menghadapi banyak masalah untuk melaksanakan idea yang dikemukakan dialog itu kerana mereka tidak memiliki kestabilan politik dan penerusan dasar pembangunan seperti di Malaysia yang diperintah kerajaan yang sama sejak merdeka.

"Di negara berkenaan, keadaan tidak sama. Kerajaan silih berganti dan apabila pemimpin baru mengambil alih kuasa, maka wujud keinginan untuk membuat sesuatu pembaharuan.

"Mereka wujudkan dasar baru dan semua idea lama dibuang. Tetapi idea mereka juga tidak dapat dilaksanakan apabila mereka diketepikan...inilah keadaan yang terpaksa kita terima," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, ahli perniagaan Malaysia perlu mempelajari budaya masyarakat negara lain yang berbeza bagi menjalin persahabatan yang erat supaya terus mendapat kepercayaan dan dihormati di seluruh dunia.

Beliau berkata, sebagai tetamu di negara orang, ahli perniagaan Malaysia perlu memastikan keuntungan yang diperolehi daripada pembabitan mereka dalam pembangunan ekonomi negara berkenaan, turut dikongsi bersama dengan negara tuan rumah.

"Hari ini ahli perniagaan Malaysia dialu-alukan di banyak negara, di Afrika, di Timur Tengah, di mana-mana. Ahli perniagaan Malaysia dipandang tinggi kerana kita berusaha keras untuk mendapat kepercayaan mereka. Inilah sesuatu yang memanfaatkan peniaga Malaysia," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mengilhamkan LID kerana percaya setiap negara mempunyai idea bagaimana untuk memajukan negara bagi dikongsi bersama kerana banyak negara membangun yang menghadapi masalah untuk melaksanakan pembangunan.

Perdana Menteri berkata, negara membangun perlu membantu sesama sendiri kerana negara maju sudah melupakan kepayahan yang mereka harungi untuk memajukan negara mereka kira-kira 200 tahun lalu.

"Kita percaya dengan proses dialog dan pertukaran idea untuk lebih memahami proses membangunkan negara, ekonomi dan memastikan kebajikan rakyat negara membangun," katanya.